



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

PELIHARA KESATUAN, HINDARI PERPECAHAN

Tarikh Dibaca :

**14 JAMADILAWAL 1444H/
9 DISEMBER 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْ بَدَأْنَا مِنْ آسَافٍ مَلِيصًا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PELIHARA KESATUAN, HINDARI PERPECAHAN

9 DISEMBER 2022 / 14 JAMADILAWAL 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ

بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا

كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ۱۳

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* (sia-sia) seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Perkara ini bertepatan dengan peringatan dari Nabi Muhammad SAW yang bersabda:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جَمْعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

Maksudnya: *“Dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang lagha, dia tidak mendapat bahagian daripada Jumaatnya itu”.* **(Hadis riwayat Abu Daud)**

Tajuk khutbah pada hari ini ialah: **“Pelihara Kesatuan, Hindari Perpecahan”.**

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Selain itu, khatib turut ingin mengingatkan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan berlakunya bencana. Sentiasa peka dan cakna terhadap sebarang pengumuman dan amaran yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Segeralah bertaubat memohon keampunan dari Allah SWT dan bermunajat memohon pertolongan daripada-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT melindungi dan menjauhkan kita dari sebarang bala bencana.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kesatuan merupakan salah satu dari ajaran dan tuntutan Islam yang sangat penting dan menjadi penekanan utama sepanjang zaman. Ia menjadi ruh dan tiang rukun dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Dengannya, muncullah semangat kebersamaan, perasaan saling menghormati, mengasihi dan membantu antara satu sama lain. Oleh sebab itu, Allah SWT memberi peringatan-Nya melalui Surah ali Imran ayat 103 yang menjadi mukaddimah khutbah tadi yang bermaksud:

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya”.

Berdasarkan ayat ini, Imam al-Baghawi dalam *Tafsir al-Baghawi* menjelaskan tentang kepentingan kesatuan bahawa bersatu dan menjaga kekukuhan *jamaah* (kesatuan) merupakan perkara yang sangat ditekankan oleh syariat. Imam al-Baghawi juga menukilkan kalam daripada Ibnu Mas'ud RA: "*al-habl itu ialah jamaah*". *Ibnu Mas'ud juga berkata: "Wajib atas kamu berjamaah kerana sesungguhnya berjamaah merupakan tali Allah yang dengannya Allah menyampaikan perintah. Sesungguhnya sesuatu yang kamu benci bersama jamaah dan ketaatan adalah lebih baik berbanding dengan sesuatu yang kamu benci dalam keadaan perpecahan"*.

Menurut keterangan dari al-Zamakhsyari dalam *Tafsir al-Kasyaf*, ayat ini merupakan sebuah larangan bercerai-berai sebagaimana yang terjadi pada zaman jahiliyah, iaitu saling bermusuhan antara satu sama lain hingga terjadi peperangan dalam kalangan mereka. Ayat ini juga merupakan larangan untuk mengucapkan kata-kata yang boleh menyebabkan berlakunya perpecahan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sayyid Muhammad al-Maliki dalam *Manhaj al-Salaf fi Fahmi al-Nusus Baina al-Nazhriyah wa al-Tatbiq* menyebutkan bahawa Islam diturunkan untuk mengajak umat manusia agar saling mengasihi, mencintai, menyayangi, dan melarang untuk saling berpecah-belah. Bahkan beliau menyebutkan bahawa bercerai-berai menjadi sebab segala fitnah dan berlakunya musibah. Bukan itu sahaja, perpecahan, persengketaan dan bercerai-berainya umat hanya melahirkan permusuhan dan kebodohan yang berpanjangan.

Maka oleh sebab itu, Allah SWT memerintahkan supaya mendamaikan sebarang bentuk perselisihan lebih-lebih lagi yang berlaku dalam kalangan umat Islam memandangkan pada hakikatnya setiap mukmin itu bersaudara. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ۝

Maksudnya: "Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat".

Begitu juga terdapat sebuah hadis yang menggambarkan tentang keutuhan dan kekukuhan persaudaraan sesama umat Islam yang diriwayatkan oleh Nu'man bin Basyir bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عَضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحَمَى¹

Maksudnya: “Perumpamaan golongan yang beriman pada sifat berkasih sayang, saling merahmati, dan saling membantu adalah seperti suatu badan. Apabila ada anggota badan yang sakit, ia menyebabkan keseluruhan tubuh badan tidak dapat tidur dan juga menjadi demam”.

Suasana harmoni, tenteram dan kesatuan dalam masyarakat pastinya dapat dipelihara jika kita sentiasa menjunjung tinggi adab kesopanan dan kesusilaan. Kehidupan hari ini sangat berbeza ditambah lagi dengan adanya media sosial yang sangat terbuka tanpa mengira lapisan masyarakat. Ruang yang ada di laman maya sepatutnya dimanfaatkan untuk mendapatkan maklumat serta tujuan kebaikan yang lain. Keterbukaan yang ada bukan ‘lampu hijau’ untuk kita menulis, mengulas atau mengomentari sebarang isu apatah lagi menjadi batu api yang melaga-lagakan antara satu sama lain. Ingatlah bahawa kita bertanggungjawab di akhirat kelak terhadap apa-apa yang kita ucap, yang kita buat, dan yang kita tulis. Maka janganlah terlampau menuruti hawa nafsu dan amukan emosi dalam setiap urusan dan tindakan. Berfikirlah secara waras dan bertindaklah secara matang dan benar. Semoga dengan usaha dan tindakan kita yang sentiasa berusaha untuk menyatupadukan seluruh masyarakat berhasil dan berkekalan serta mendapat ganjaran dan keberkatan di sisi Allah SWT.

Marilah kita jernihkan kembali hubungan sesama kita. Tinggalkan perbalahan, tuduh-menuduh, dan pertengkaran yang hanya merugikan kita semua. Kita buka lembaran baharu dengan suasana hidup yang aman dan bahagia, saling menghormati, memaafi dan mempertahankan antara satu sama lain dalam apa jua situasi. Dalam bersama-

¹ Hadis riwayat Imam al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidzi, al-Nasa'ie dan Imam Ahmad

sama kita mengorak dan mencorak kehidupan bernegara yang diberkati dan dirahmati Allah SWT, selamat dan sejahtera dari sebarang perasaan takut dan bimbang, serta kecukupan rezeki dari yang halal, khatib ingin mengajak sidang jemaah sekalian sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, mendirikan solat, mensyukuri segala nikmat-Nya dan saling berpesan antara satu sama lain. Hayatilah firman Allah SWT dari Surah Quraisy ayat 3-4:

فَلْيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ ۚ الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ وَعَأَمَنَهُمْ مِنْ خَوْفٍ ۚ

Maksudnya: *“Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah (Kaabah) ini, Tuhan yang memberi mereka penghidupan: menyelamatkan mereka dari kelaparan, dan mengamankan mereka dari ketakutan”.*

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menegaskan beberapa perkara sebagai panduan kita bersama:

Pertama: Kesatuan merupakan salah satu dari ajaran dan tuntutan Islam yang menjadi ruh dan tiang rukun dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Dengannya, muncullah semangat kebersamaan, perasaan saling menghormati, mengasihi dan membantu antara satu sama lain.

Kedua: Umat Islam diumpamakan seperti tubuh badan. Apabila salah satu bahagian badan sakit, maka bahagian tubuh badan yang lain juga terasa sakit. Maka perlu ada usaha untuk memulihkan bahagian badan yang sakit.

Ketiga: Nilai kesopanan dan kesusilaan menjadi faktor utama dalam memelihara kesejahteraan, keharmonian dan kesatuan umat. Usah hanyut dengan amukan emosi dan hawa nafsu yang membinasakan. Berlaku benarlah dan matang dalam apa-apa jua tindakan yang hendak dibuat.

Berdoalah agar Allah SWT memelihara kesatuan ummah ini dan menyatupadukan hati kita semua atas jalan-Nya yang benar dan diredhai. Firman Allah SWT dalam Surah al-Anfaal ayat 63:

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَّا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ
بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ٦٣

Maksudnya: “Dan (Dia-lah) yang menyatupadukan antara hati mereka (yang beriman itu). Kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatupadukan antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatupadukan antara (hati) mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ
 الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya dan sentiasa menjadi sasaran para musuh Islam untuk menghancurkannya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
 تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
 آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
 وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ .
 اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ
 مَا مَوْلِيَا سِرِّي قُدُوكَ بِكَيْنِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اِكْوَعْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ
 الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ .
 وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِّي قُدُوكَ بِكَيْنِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اِكْوَعْ،
 تُونُوكُو حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونَهُ إِسْكَندَرِيَهْ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ
 سُلْطَانَ إِسْكَندَرَ الْحَاجِ .
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
 بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءَ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ ،
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
 قَدِيرٌ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا
 أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.